

Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan: Isu, Cabaran dan Strategi Daripada Perspektif Pegawai Perolehan Kerajaan Malaysia

*Implementation of Government Green Procurement: Issues and Challenges from the
Perspective of Government Procurement Officer*

Khairul Naim Adham naimadham@gmail.com

Pelajar Siswazah

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)

Universiti Kebangsaan Malaysia

Chamhuri Siwar csiwar@ukm.my

Profesor Emeritus

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)

Universiti Kebangsaan Malaysia

Abd Malik Atan malik@greentechmalaysia.my

Eksekutif

Bahagian Pengangkutan, Perindustrian, Pengurusan Air dan Sisa, Kitar Semula
Malaysian Green Technology Corporation

ABSTRAK

Perolehan hijau Kerajaan (government green procurement; GGP) boleh dijadikan sebagai wadah untuk memulihara dan meminimumkan kesan kepada alam sekitar kerana ia bertindak sebagai pemangkin kepada amalan pengeluaran dan penggunaan lestari (sustainable consumption dan production; SCP). Bagaimanapun, secara relatifnya GGP masih merupakan konsep baru di Malaysia. Sebagai satu gagasan baru, pelaksanaan GGP di Malaysia dijangka akan berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran. Kajian awalan ini dijalankan bagi mengenal pasti isu, cabaran dan strategi dalam melaksanakan GGP di Malaysia daripada perspektif pegawai perolehan Kerajaan dengan menggunakan kaedah kualitatif perbincangan kumpulan fokus (focus group discussion; FGD). Peserta FGD merupakan pegawai perolehan Kerajaan Gred 41 hingga 54 daripada pelbagai Kementerian Persekutuan di Malaysia. Peserta dibahagikan kepada lima (5) kumpulan dan setiap kumpulan terdiri daripada 5 hingga 6 orang ahli dengan seorang moderator dan pembantu moderator. Kajian ini mengenal pasti 10 isu dan cabaran daripada perspektif pegawai perolehan Kerajaan iaitu (i) Kurang atau tiada kesedaran mengenai GGP; (ii) Kos perolehan produk dan perkhidmatan mesra alam yang lebih mahal; (iii) Kurang kemahiran dan kepandaian (know-how) dalam melaksanakan GGP; (iv) Tiada polisi, kerangka perundangan dan peraturan mengenai GGP; (v) Kesediaan produk dan perkhidmatan mesra alam di pasaran tempatan; (vi) Kurang kapasiti industri tempatan dalam mengeluarkan produk dan perkhidmatan mesra alam; (vii) Kos modal yang tinggi bagi industri tempatan mengeluarkan dan memasarkan produk mesra alam; (viii) Kurang penyelidikan, pembangunan dan inovasi dalam penghasilan produk dan perkhidmatan mesra alam; (ix) Kos pensijilan produk dan perkhidmatan mesra alam yang mahal; dan (x) Persepsi negatif pengguna mengenai kualiti produk dan perkhidmatan mesra alam. Beberapa strategi telah dicadangkan bagi menangani isu dan cabaran tersebut termasuklah menyediakan polisi, kerangka perundangan dan peraturan mengenai GGP, menyediakan insentif, mengadakan promosi dan program pembangunan kapasiti.

Kata kunci: Perolehan Kerajaan, Perolehan Hijau Kerajaan, Pengeluaran dan Penggunaan Lestari, Pembangunan Lestari

ABSTRACT

Government Green Procurement (GGP) can be used as a means to conserve and minimize the impact to the environment as it acts as a catalyst towards sustainable consumption and production practices (SCP). However, GGP is a relatively new concept in Malaysia. Therefore, the implementation of GGP in Malaysia will surely deal with various issues and challenges. This preliminary study was conducted to identify issues and challenges in implementing the GGP in Malaysia from the government

procurement officer's perspective by using focus group discussions (FGD) as qualitative methods. FGD participants are government procurement officer from Grade 41 to 54 from various Federal Government Ministries in Malaysia. Participants are divided into five (5) groups and each group consists of 5 to 6 participants with one moderator and assistant moderator. This study has identified ten (10) issues and challenges from the government procurement officers perspective namely (i) No or lack of awareness of GGP; (ii) Higher cost of environmentally friendly products and services; (iii) Lack of skill and know-how in implementing GGP; (iv) No policy, legal framework and regulation with regards to GGP; (v) Availability of eco-friendly products and services in local market; (vi) Lack of capacities for local industries in producing environmentally friendly products and services; (vii) Higher capital costs for local industries to produce and market environmentally friendly products; (viii) Lack of research, development and innovation in producing green products and services; (ix) Higher certification costs for environmentally friendly products and services; and (x) Consumer's negative perceptions on the quality of environmentally friendly products and services. A number of strategies have been suggested to overcome the issues and challenges which include the establishment of national policy, regulatory and legal framework of GGP, provision for incentives, promotions and capacity building program.

Keywords: Government Procurement, Government Green Procurement, Sustainable Consumption and Production, Sustainable Development

PENGENALAN

Sejak beberapa dasawarsa kebelakangan ini, corak penggunaan dan pengeluaran tidak lestari (unsustainable patterns of consumption and production) bagi memenuhi tuntutan hidup manusia telah menjejaskan kelestarian alam sekitar. Lebih menyedihkan, faktor tersebut telah dikenal pasti sebagai punca utama kepada degradasi alam sekitar (UN, 1992). Menyedari akan hal ini, penggunaan dan pengeluaran lestari (sustainable consumption and production; SCP) telah menjadi agenda penting di persada antarabangsa dan salah satu inisiatif yang diberi penekanan ialah perolehan hijau Kerajaan (government green procurement; GGP). Sidang Kemuncak Bumi mengenai Pembangunan Lestari (*World Summit on Sustainable Development*; WSSD) di Johannesburg, Afrika Selatan pada tahun 2002 telah menggesa semua negara untuk menyediakan polisi perolehan Kerajaan yang berupaya merangsang pembangunan serta penyebaran produk dan perkhidmatan mesra alam (UNSD, 2002). GGP dikenali dengan pelbagai nama seperti perolehan awam hijau (green public procurement; GPP) (Marron, 2003; EC, 2004; Bouwer et al., 2005; Alhola, 2008; CEC, 2008; PWC et al., 2009; Qiao & Wang, 2010; UNEP, 2011), perolehan awam alam sekitar (environmental public procurement) (EC, 2004), pembelian mengutamakan alam sekitar (environmental preferable purchasing; EPP) (Cogburn & Rahm, 2005; USEPA, 2009) dan perolehan tanggungjawab alam sekitar (environmentally responsible public purchasing) (Li & Geiser, 2001).

Dalam konteks Malaysia, GGP merujuk kepada perolehan Kerajaan yang mengambil kira kriteria alam sekitar untuk memulihara dan meminimumkan kesan kepada alam sekitar serta memacu pertumbuhan ekonomi negara ke arah pembangunan lestari (Adham & Siwar, 2012a). Kriteria alam sekitar yang dimaksudkan merangkumi aspek meminimumkan degradasi kualiti persekitaran, mempunyai pembebasan Gas Rumah Hijau (GHG) yang rendah atau sifar, selamat untuk digunakan dan menyediakan persekitaran sihat dan lebih baik untuk semua hidupan, menjimatkan tenaga dan sumber asli serta menggalakkan sumber-sumber yang boleh diperbaharui (KeTTHA, 2009). Secara mudahnya, GGP melibatkan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang dapat mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar seperti peralatan elektrik cekap tenaga, kertas kitar semula, perabot pejabat yang diperbuat daripada bahan yang dihasilkan secara lestari, perkhidmatan penyelenggaraan mesra alam, dan perkhidmatan rekaan dan pembinaan bangunan hijau atau rendah karbon.

Potensi pelaksanaan GGP yang mencakupi aspek alam sekitar, ekonomi dan sosial termasuklah mengurangkan kesan negatif kepada alam sekitar, mengurangkan pelepasan karbon dioksida (CO₂), mengurangkan kos secara signifikan, mengelakkan pembaziran, menjimatkan penggunaan bahan serta tenaga, mengurangkan penghasilan sisa dan pencemaran, dan pada masa yang sama dapat meningkatkan daya saing ekonomi serta kualiti hidup (Legault, 2000; Erdmenger et al., 2001; Leung, 2003; McCrudden, 2004; EU, 2004; Barr et al., 2005; Chen, 2005; MEPNR, 2007; Alhola, 2008; UNDP, 2008; PWC et al., 2009; Ho et al., 2010; EC, 2011). Pelaksanaan GGP berpotensi menangani cabaran alam sekitar yang kompleks khususnya di negara membangun (Geng & Doberstein, 2008). Dalam aspek perniagaan, perolehan hijau memberi kesan positif kepada prestasi syarikat dari segi pendapatan bersih dan kos barangan yang dijual (Carter et al., 2000).

Pada masa kini, banyak negara khususnya negara maju telah mewujudkan polisi GGP di peringkat kebangsaan (Li & Geiser, 2005; Geng & Doberstein, 2008; Ho et al., 2010). Bagaimanapun, pelaksanaan GGP di negara membangun tidak banyak menunjukkan peningkatan (Ho et al., 2010). Walaupun banyak negara telah melaksanakan GGP dengan jayanya, namun pelaksanaannya tidak lepas dengan pelbagai isu dan cabaran yang mana jika tidak ditangani akan menjadi faktor penghalang (Adham & Siwar, 2011a). Banyak kajian mengenai isu dan cabaran dalam melaksanakan GGP telah dilaksanakan di negara luar namun kajian mengenainya di Malaysia masih terbatas. Ini mungkin disebabkan GGP masih merupakan satu konsep baru di Malaysia (GPNM, 2003; Goh & Suhaiza, 2010; IGPN, 2010) di mana kebanyakan daripada amalan perolehan hijau hanya dilaksanakan oleh firma dari luar negara (Eltayeb & Suhaiza, 2009). Di samping itu, sehingga kini tiada polisi, kerangka perundangan dan peraturan mengenai GGP di Malaysia (Adham & Siwar, 2011b).

Kertas ini merupakan kajian awalan bagi mengenal pasti isu, cabaran dan strategi dalam melaksanakan GGP di Malaysia daripada perspektif pegawai perolehan Kerajaan. Pegawai perolehan Kerajaan dipilih sebagai responden dalam kajian ini kerana mereka mempunyai pengalaman dan terlibat secara langsung dalam menguruskan perolehan Kerajaan. Bahagian 2 dan 3 kertas ini membincangkan mengenai prinsip dan strategi GGP serta hala tuju Kerajaan Malaysia dalam melaksanakan GGP. Bahagian 4 menyetengahkan isu dan cabaran dalam melaksanakan GGP. Bahagian 5 menampilkan metodologi kajian manakala Bahagian 6 memperincikan dapatan kajian. Akhirnya, Bahagian 7 memberikan kesimpulan. Kertas ini penting sebagai inisiatif awal ke arah melaksanakan GGP kerana segala isu dan cabaran dalam melaksanakan GGP perlu dikenal pasti dan ditangani melalui strategi yang berkesan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan GGP.

PRINSIP DAN STRATEGI GGP

Pengeluaran, penggunaan dan pelupusan sesuatu produk dan perkhidmatan yang tidak mempedulikan aspek alam sekitar sudah pasti akan memberi kesan negatif ke atas kualiti hidup manusia. USEPA (1999) telah menetapkan lima (5) prinsip sebagai panduan dalam melaksanakan perolehan hijau iaitu (i) Mengambil kira pertimbangan alam sekitar sebagai salah satu faktor (selain daripada faktor tradisional seperti keselamatan, harga, prestasi, dan kesediaan); (ii) Memberi penekanan kepada pencegahan pencemaran di peringkat awal proses pembelian; (iii) Meneliti pelbagai atribut alam sekitar di sepanjang kitaran hayat produk atau perkhidmatan; (iv) Membuat perbandingan terhadap impak alam sekitar yang berkaitan apabila memilih produk dan perkhidmatan; dan (v) Mengumpul maklumat yang tepat dan bermakna mengenai prestasi alam sekitar dan menggunakannya dalam membuat keputusan pembelian. IGPN (2010) pula menggariskan empat (4) prinsip perolehan hijau iaitu (i) Mempertimbangkan keperluan produk dan perkhidmatan; (ii) Mempertimbangkan kitaran hayat produk dan perkhidmatan (pengurangan bahan merbahaya, penggunaan sumber-sumber yang cekap dan jimat tenaga, penggunaan sumber-sumber asli yang lestari, tahan lama, guna semula, kitar semula dan boleh dilupuskan); (iii) Mempertimbangkan usaha perniagaan (pengenalpastian pengurusan alam sekitar, pendedahan maklumat alam sekitar); dan (iv) Ketersediaan/penggunaan maklumat alam sekitar. Bagi merealisasikan matlamat pelaksanaan GGP, Hamner (2006) telah mencadangkan strategi seperti di Jadual 1.

ISU DAN CABARAN PELAKSANAAN GGP

Berdasarkan kepada kajian literatur, di antara isu dan cabaran dalam melaksanakan perolehan hijau dan GGP adalah seperti di Jadual 2. Isu dan cabaran yang dihadapi adalah berbeza di antara satu negara dengan negara yang lain mungkin disebabkan oleh perbezaan dari segi polisi dan kekangan tertentu dalam organisasi (Walker & Brammer, 2009), sosioekonomi, demografi dan budaya (Adham & Siwar, 2012) serta tahap kesedaran dan perundangan. Berdasarkan kepada Jadual 2, isu dan cabaran yang paling banyak dicatatkan adalah kurang kesedaran, pengetahuan, kemahiran dan kepandaian mengenai GGP (Min & Galle, 2001; GPNM, 2003; Ochoa & Erdmenger, 2003; Bouwer et al., 2005; Carlsson & Waara, 2006; Fischer, 2010; PEMANDU, 2010; Qiao & Wang, 2010; Tian & Zhu, 2010) diikuti oleh kekangan kewangan (GPNM, 2003; Ochoa & Erdmenger, 2003; Carlsson & Waara, 2006; Fischer, 2010; Min & Galle, 2001; PEMANDU, 2010; Qiao & Wang, 2010).

Kajian mengenai amalan perolehan lestari awam (sustainable public procurement; SPP) di United Kingdom oleh Walker dan Brammer (2009) mendapati kekangan utama dalam melaksanakannya ialah dari segi kewangan. Kajian tersebut dijalankan secara soal selidik dengan menggunakan skala yang diadaptasi daripada skala Pembelian Tanggungjawab Sosial (Purchasing

Social Responsibility; PSR) oleh Carter & Jennings (2004). Skala yang digunakan oleh Walker & Brammer (2009) mengandungi tujuh (7) dimensi iaitu (i) Alam sekitar; (ii) Diversiti; (iii) Hak asasi manusia; (iv) Filantropi; (v) Keselamatan; (vi) Pembelian daripada pembekal kecil; dan (vii) Pembelian daripada pembekal tempatan. Kajian perintis mengenai amalan perolehan lestari di sektor awam dan swasta di Malaysia telah dijalankan oleh McMurray et al. (2009) melalui kaedah soal selidik dengan menggunakan skala yang digunakan oleh Walker & Brammer (2009). McMurray et al. (2009) mendapati tekanan kewangan, tahap pengetahuan dan kesedaran serta komitmen pengurusan atasan yang rendah sebagai kekangan utama. Namun, saiz sampel kajian adalah kecil dan tidak seimbang serta terdapat beberapa item dalam skala yang digunakan seperti hak asasi manusia dan filantropi tidak relevan dalam konteks amalan perolehan Kerajaan di Malaysia (Adham & Siwar, 2012a).

KOMITMEN DAN HALA TUJU KERAJAAN MALAYSIA

Pelaksanaan GGP di Malaysia adalah seiring dengan aspirasi untuk mengarusperdana pertimbangan alam sekitar dalam pembangunan ekonomi bagi mencapai pembangunan lestari. Komitmen ini diperlihatkan melalui Dasar Teknologi Hijau Negara (DTHN) yang dilancarkan pada tahun 2009 di mana Kerajaan beriltizam untuk meningkatkan pengeluaran produk teknologi hijau tempatan, menjadikan teknologi hijau sebagai pilihan utama dalam pemilihan produk dan perkhidmatan, dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai pengeluar utama teknologi hijau dalam pasaran global (KeTTHA, 2009). Sebagai inisiatif awal, barangan mesra alam yang mematuhi piawaian teknologi hijau telah diberi keutamaan dalam perolehan Kerajaan (MOF, 2009). GGP juga telah dijadikan sebagai salah satu daripada projek permulaan (Entry Point Projects; EPPs) di bawah Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme; ETP) untuk menyemarakkan industri teknologi hijau (PEMANDU, 2010). Di bawah ETP, Kerajaan Malaysia menasaskan 50 peratus daripada produk dan perkhidmatan yang dibeli oleh Kerajaan memiliki pengesahan label eko menjelang tahun 2020. Di samping itu, pelaksanaan GGP adalah selaras dengan pendekatan 'Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Hijau' yang digarap dalam Model Baru Ekonomi (New Economic Model; NEM) (NEAC, 2010). Komitmen terperinci adalah seperti di Jadual 3.

Pelaksanaan GGP dapat memangkinkan pembangunan industri tempatan berasaskan pengeluaran produk dan perkhidmatan mesra alam kerana wujudnya permintaan yang tinggi bagi memenuhi keperluan Kerajaan dan seterusnya menjadikan industri, harga produk serta perkhidmatan mesra alam tempatan lebih berdaya saing. Penggunaan produk dan perkhidmatan mesra alam dijangka dapat meningkatkan potensi kecekapan tenaga sebanyak 40 peratus menjelang tahun 2020 yang akan menghasilkan penjimatan kos sebanyak RM295 bilion. Pelaksanaan GGP juga akan menyumbang kepada pertumbuhan industri teknologi hijau yang akan mewujudkan bilangan pekerjaan berkemahiran tinggi di dalam sektor hijau yang ketara. Secara keseluruhannya, pembangunan industri teknologi hijau negara dijangka akan menjana RM7.2 bilion Pengeluaran Negara Kasar (PNK) tambahan pada tahun 2020 dan mewujudkan lebih 47,000 peluang pekerjaan (PEMANDU, 2010).

Pada masa yang sama, GGP boleh dijadikan sebagai salah satu instrumen untuk membantu Malaysia mencapai sasaran pengurangan emisi CO₂ sehingga 40 peratus daripada intensiti KDNK menjelang tahun 2020 berbanding tahap pada tahun 2005 seperti mana yang telah dijanjikan semasa Persidangan Perubahan Iklim (United Nations Climate Change Conference; COP15) di Copenhagen, Denmark pada tahun 2009 (Adham & Siwar, 2012a). Di antara inisiatif yang telah dilaksanakan bagi menyokong pelaksanaan GGP termasuklah menyediakan bantuan kewangan kepada syarikat yang membangun dan menggunakan teknologi hijau melalui Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (Green Technology Financing Scheme; GTFS), melaksanakan Program Perolehan Hijau Malaysia (Malaysia Green Procurement Program; MGPP), Program Pelabelan Hijau Malaysia (Malaysia Green Labelling Program; MGLP) dan Direktori Hijau Malaysia (Malaysia Green Directory; MGD) serta menganjurkan Persidangan dan Pameran Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko (International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia; IGEM) (Adham et al., 2011) dan Program Pembangunan IKS dan Usahawan Hijau.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif perbincangan kumpulan fokus (focus group discussion; FGD). Kaedah FGD ialah teknik penyelidikan kualitatif (Cooper & Schindler, 2003; Sekaran, 2003) yang mengumpul maklumat daripada sumber primer (Sekaran, 2003) melalui interaksi dalam kumpulan mengenai sesuatu topik yang ditentukan oleh penyelidik (Morgan, 1997; Cavana et al.,

2000). Dalam konteks ini, moderator menggunakan prinsip dinamik kumpulan untuk memandu kumpulan bertukar idea, perasaan dan pengalaman dalam sesuatu topik yang spesifik (Cooper & Schindler, 2003). Pada kebiasaannya, bilangan ahli dalam sesuatu FGD ialah 6 hingga 10 orang (Cooper & Schindler, 2003) atau 6 hingga 9 orang (Kruger, 1994) dan ahlinya adalah seragam (homogeneous) untuk menggalakkan lebih banyak perbincangan dan interaksi yang bebas (Hawe et al., 1990). FGD memainkan peranan penting untuk mendapatkan maklumat awal sebagai asas untuk kajian saintifik seterusnya, membuat pernyataan umum berasaskan kepada maklumat yang diperolehi dan mengendalikan tinjauan. Ia merupakan kaedah yang secara relatifnya tidak mahal dan menyediakan data yang adil serta boleh dipercayai dalam tempoh masa yang singkat (Cooper & Schindler, 2003; Sekaran, 2003). Data kualitatif yang diperolehi melalui FGD boleh digunakan untuk memperkayakan persoalan kajian, hipotesis dan membandingkan keberkesanan beberapa reka bentuk kajian (Cooper & Schindler, 2003).

Dalam kajian ini, peserta FGD merupakan pegawai perolehan Kerajaan Gred 41 hingga 54 daripada pelbagai Kementerian Persekutuan di Malaysia. Pegawai perolehan Kerajaan dipilih sebagai responden dalam kajian ini kerana mereka mempunyai pengalaman dan terlibat secara langsung dalam menguruskan perolehan Kerajaan. Peserta dibahagikan kepada lima (5) kumpulan dan setiap kumpulan terdiri daripada 5 hingga 6 orang ahli dengan seorang moderator dan pembantu moderator. Moderator dan pembantu moderator adalah daripada kakitangan Pusat Penyelidikan Teknologi Alam Sekitar, SIRIM Berhad dan kajian ini dikendalikan dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) sebagai salah satu aktiviti di bawah Program Perintis Perolehan Hijau dan Label Eko.

Sebanyak 27 peserta daripada 19 Kementerian Persekutuan (79% daripada jumlah keseluruhan Kementerian Persekutuan) mengambil bahagian dalam FGD yang diadakan. Kementerian yang terlibat adalah (i) Kementerian Luar Negeri, (ii) Kementerian Pelajaran, (iii) Kementerian Pengajian Tinggi, (iv) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, (v) Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, (vi) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, (vii) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, (viii) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, (ix) Kementerian Belia dan Sukan, (x) Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, (xi) Kementerian Perusahaan, Perlindungan dan Komoditi, (xii) Kementerian Pelancongan, (xiii) Kementerian Dalam Negeri, (xiv) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, (xv) Kementerian Sumber Manusia, (xvi) Kementerian Kerja Raya, (xvii) Kementerian Kewangan, (xviii) Kementerian Pengangkutan, dan (xix) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. FGD dilaksanakan secara berstruktur di mana struktur dan kandungan soalan yang dibincangkan dalam FGD telah dikenal pasti serta ditetapkan lebih awal bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pada akhir sesi FGD, setiap kumpulan membentangkan hasil perbincangan kumpulan masing-masing. Perincian mengenai keahlian FGD adalah seperti di Jadual 4.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada FGD, sebanyak 10 isu dan cabaran daripada perspektif pegawai perolehan Kerajaan telah dikenal pasti iaitu (i) Kurang atau tiada kesedaran mengenai GGP; (ii) Kos perolehan produk dan perkhidmatan mesra alam yang lebih mahal; (iii) Kurang kemahiran dan kepandaian dalam melaksanakan GGP; (iv) Tiada polisi, kerangka perundangan dan peraturan mengenai GGP; (v) Kesyediaan produk dan perkhidmatan mesra alam di pasaran tempatan; (vi) Kurang kapasiti industri tempatan dalam mengeluarkan produk dan perkhidmatan mesra alam; (vii) Kos modal yang tinggi bagi industri tempatan mengeluarkan dan memasarkan produk mesra alam; (viii) Kurang penyelidikan, pembangunan dan inovasi dalam penghasilan produk dan perkhidmatan mesra alam; (ix) Kos pensijilan produk dan perkhidmatan mesra alam yang mahal; dan (x) Persepsi negatif pengguna mengenai kualiti produk dan perkhidmatan mesra alam. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa beberapa isu dan cabaran yang diketengahkan oleh pegawai perolehan Kerajaan mempunyai persamaan dengan dapatan kajian seperti yang telah dibincangkan di Jadual 2 sebelum ini.

Bagi menangani isu dan cabaran tersebut, beberapa strategi telah dicadangkan oleh pegawai perolehan Kerajaan iaitu (i) Menyediakan polisi, kerangka perundangan dan peraturan mengenai GGP; (ii) Menyediakan insentif; (iii) Mengadakan promosi, dan (iv) program pembangunan kapasiti kepada pengguna dan pengeluar. Isu, cabaran dan strategi diringkaskan seperti di Jadual 5. Dalam konteks menangani isu tahap pengetahuan yang rendah dan salah tanggapan mengenai GGP, strategi yang dicadangkan adalah bertepatan dengan cadangan Fischer (2010). Beliau mencadangkan supaya latihan serta pendidikan diberikan kepada pegawai perolehan dan pembuat dasar. Ini bermakna, langkah Kerajaan Malaysia menganjurkan Program Perintis Perolehan Hijau dan Label Eko adalah tepat pada

masanya. Program berkenaan yang antaranya meliputi Bengkel Kesedaran Perolehan Hijau, Bengkel Garis Panduan Perolehan Hijau dan Usahawan Tekno bukan sahaja dapat meningkatkan kesedaran dan pengetahuan malah menjadi platform untuk mendapatkan maklum balas dan mewujudkan libat sama (engagement) semua pihak yang berkepentingan (stakeholders).

Pada masa yang sama, kesedaran pihak pengurusan sesuatu organisasi mengenai kepentingan menjaga alam sekitar akan mempengaruhi gaya dan sistem pengurusan alam sekitar dalam organisasi berkenaan (Zsidisin & Hendrick, 1998). Cadangan untuk menyediakan polisi, kerangka perundangan dan peraturan GGP di Malaysia perlu diberi perhatian. Ini adalah kerana sehingga kini Malaysia masih belum mempunyai polisi, kerangka perundangan dan peraturan mengenai GGP. Perundangan dan peraturan memainkan peranan penting bagi memandu sesuatu organisasi melaksanakan tindakan alam sekitar (Min & Galle, 2001; Zhu et al., 2005; Zhu & Sarkis; 2006; Fischer, 2010; Bjorklund, 2011) dan kajian mendapati ketiadaan peraturan alam sekitar akan merencatkan prestasi alam sekitar (Carter & Dresner, 2001).

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati terdapat pelbagai isu dan cabaran dalam melaksanakan GGP di Malaysia memandangkan inisiatif GGP di Malaysia baru sahaja bermula. Ini menunjukkan betapa pentingnya satu kajian yang terperinci dan menyeluruh dilaksanakan bagi menghasilkan satu strategi pelaksanaan yang kemas dan mantap. Tambahan pula, pendekatan yang dilaksanakan oleh negara luar tidak semestinya sesuai dan berkesan kerana senario di negara ini mungkin berbeza. Ini adalah kerana perolehan Kerajaan di Malaysia tidak hanya tertumpu pada aspek keuntungan ekonomi dan alam sekitar semata-mata. Dasar perolehan Kerajaan Malaysia telah menetapkan bahawa perolehan Kerajaan berfungsi sebagai wadah untuk mencapai dasar nasional, menggalakkan pembangunan usahawan Bumiputera dan industri tempatan. Oleh itu, kajian pelaksanaan secara mendalam adalah perlu untuk memastikan pelaksanaan GGP tidak akan menjejaskan objektif perolehan Kerajaan sedia ada. Namun, Kerajaan tidak boleh mengambil sikap tunggu dan lihat kerana mahu tidak mahu GGP perlu dilaksanakan seiring dengan tuntutan ekonomi global arus perdana.

Kajian awalan ini memberi sumbangan bermakna sebagai asas kepada penulis untuk melaksanakan kajian empirikal seterusnya. Berasaskan kepada dapatan FGD, penulis sedang meneruskan kajian bagi mengenal pasti peluang dan kekangan dalam melaksanakan GGP daripada perspektif pegawai perolehan Kerajaan dan pembekal Kerajaan secara soal selidik. Sebanyak tujuh (7) variabel yang mungkin mempengaruhi pelaksanaan GGP di Malaysia telah dipilih untuk kajian tersebut yang merangkumi (i) Pengetahuan alam sekitar; (ii) Keprihatinan alam sekitar; (iii) Tanggapan keberkesanan kos dan faedah perniagaan; (iv) Kesediaan produk dan pembekal; (v) Insentif dan tekanan organisasi; (vi) Tanggapan faedah polisi/peraturan; dan (vii) Tanggapan kurang alat praktikal dan maklumat. Kerangka kajian adalah seperti di Rajah 1 dan hipotesis kajian ialah terdapat perbezaan yang signifikan di antara variabel (H_1 , H_2 , H_3 , H_4 , H_5 , H_6 dan H_7) dengan amalan GGP.

Di peringkat Kerajaan, dapatan kajian akan membantu Kerajaan merangka strategi pelaksanaan yang lebih sistematik dan berkesan untuk mendapatkan manfaat GGP yang optimum. Di peringkat pembekal Kerajaan pula, ia akan membantu mereka melakukan adaptasi bagi mengambil peluang perniagaan dengan Kerajaan dan pada masa yang sama mendapat manfaat pasaran yang lebih besar seperti meningkatkan peluang untuk meneroka pasaran eksport, meningkatkan kualiti produk, menjimatkan kos pengeluaran dan meningkatkan daya saing. Di peringkat masyarakat secara keseluruhannya, pelaksanaan GGP akan meningkatkan tahap kesihatan dan kualiti hidup rakyat serta menjimatkan kos pemerolehan yang akan memberi keuntungan ekonomi dan sosial jangka panjang. Kejayaan negara luar memanfaatkan GGP sewajarnya menjadi contoh ikutan dan memberi suntikan semangat kepada Malaysia untuk mengukir kejayaan yang lebih besar. Berbekal perancangan yang rapi, GGP diharapkan dapat memulihara alam sekitar yang bitara, meningkatkan daya saing negara di persada antarabangsa, merealisasikan hasrat menjadi sebuah negara ekonomi karbon rendah dan mencapai pembangunan lestari.

RUJUKAN

Adham, K.N. & Siwar, C. (2012a). An empirical investigation of government green procurement (GGP) practices in Malaysia. *OIDA International Journal of Sustainable Development* (in press).

- Adham, K.N. & Siwar, C. (2012b). Perolehan Kerajaan sebagai alat melindungi alam sekitar: satu pendekatan lestari. *INTAN Management Journal* (in press).
- Adham, K.N. & Siwar, C. (2011a). Moving towards government green procurement (GGP) in Malaysia: Issues and challenges. In: *Proceeding of the International Symposium on Environment and Natural Resource 2011 (ISENAR 2011) 'Harnessing Natural Resource for Sustainability'*, 15-17 November, Hotel Equatorial Bangi, Selangor.
- Adham, K.N. & Siwar, C. (2011b). Perolehan produk hijau di sektor awam Malaysia: hala tuju, inisiatif dan prospek. *Jurnal Pengurusan Awam*, 8(1), 61-90.
